



EDISI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

MAIS

www.mais.gov.my

MAIS sedia terima permohonan mengajar agama di

Kerajaan Selangor tidak ada masa sesejapa saja menyatakan itu selagi individu tersebut



POLEMIK TAULIAH DI SELANGOR

Memperkasa
Generasi Muda
Pewaris Ummah

Ms 5

Halal: Sumber
Kesihatan

Ms 8

Perundangan
Tauliah

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

"Menuntut ilmu adalah takwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulang-ulang ilmu adalah zikir, mencari ilmu adalah jihad."

Dr. Che Mad



KEMAMPUAN HAJI YANG BERUBAH

Ms 17





PERKHIDMATAN DIGITAL PENGURUSAN TAULIAH MENGAJAR NEGERI SELANGOR

A CARA PERMOHONAN

Layari Laman Web
www.etauliah.mais.gov.my

Sila muat naik “**Manual Pengguna**” untuk mengetahui cara *log-in* dalam sistem.

B MAKLUMAN

Kepada **Pendakwah Bertauliah Negeri Selangor (PBNS)** yang ingin memperbaharui tempoh **Tauliah Mengajar**, pastikan anda menyediakan dokumen berikut dalam bentuk **SOFTCOPY** sebelum memulakan permohonan.

C DOKUMEN DIPERLUKAN

- Gambar Berukuran Pasport
- Salinan Kad Pengenalan
- Sijil Pengajian Yang Disahkan
- Salinan Lantikan Jawatan (Jika Berkaitan)
- Salinan Dokumen Sokongan
- Alamat e-mail Yang Sah
- Salinan Perakuan Tauliah Negeri Lain (Jika Berkaitan)

D KEWAJIPAN PEMEGANG TAULIAH

Seseorang Pemegang Tauliah Hendaklah:

- Memberi ceramah umum mengenai apa-apa aspek Agama Islam atau mengajar Agama Islam berdasarkan Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias;
- Berakhlik mulia dan amanah;
- Menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam dan menggalakkan orang Islam meninggikan taraf hidup dan ekonomi serta menambahkan amalan dan takwa mereka kepada Allah;
- Tidak memfitnah saudara Islam yang lain; dan
- Mematuhi undang-undang atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan oleh MAIS dan Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan sila hubungi: **03-5514 3513**  www.etauliah.mais.gov.my



www.jais.gov.my



@JAISSelangor



JabatanAgamalslamSelangor



jabatan.agama.islam.selangor



jaisofficial



EDISI
Sidang Editorial

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin

Shahrul Effendy bin Md Saat

Maryam binti Md Zain

Mohamad Shukry Bin Sulaiman

Mohammad Salleh Bin Abdul Saha

POLEMIK TAULIAH DI SELANGOR



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Aduhai, tidak habis-habis mengundang polemik! Mungkin itulah yang terlintas di minda, kala membaca tajuk besar itu di akhbar Edisi MAIS kali ini. Demikianlah. Isu tentang tauliah mengajar, sering dibahaskan. Ia bukan isu baharu. Namun ia tidak jemu dilakukan dari tahun ke tahun. Seolah-olah tidak ada sudahnya.

Di satu pihak, mereka sering menuduh jari bahawa tauliah untuk mengajar agama adalah karut dan sesat. Agama ini, bukanlah hak milik agensi tertentu. Ia milik Allah SWT.

Lalu mereka pun berhujah, tidak ada sebuah hadis pun yang menerangkan perlunya ada tauliah dalam menyampaikan ilmu agama. Malah mereka sering menekankan bahawa menyampaikan ilmu agama adalah suruhan Allah SWT. Ia adalah ajaran Rasulullah SAW.

Hakikatnya, memang menyampaikan ilmu agama itu tugas yang sangat mulia. Menjadi satu tuntutan kepada kita untuk saling menyampaikan. Orang yang berilmu namun bersifat mendiamkan diri kala melihat kebobrokan di depan mata, maka orang itu dianggap tidak amanah dengan ilmu. Di akhirat, mereka akan dipertanggungjawabkan atas kealpaannya itu.

Maka, demi mengelakkan diri dari menjadi 'syaitan bisu' itu, ilmu agama wajib disampaikan. Pedulikanlah tauliah. Persetankan semua sistem yang membelenggu.

Di satu pihak lain, mereka kukuh menegaskan, betapa perlunya tauliah ini dipertahankan. Mereka tidak menyangkal perihal

pentingnya kebebasan menyampaikan ilmu dan dakwah Islam, namun mereka tidak mahu ia terlalu bebas sehingga mengundang masalah.

Logiknya begitu. Kebebasan tanpa kawalan memang merosakkan. Apatah lagi dalam isu akidah dan syariat, terseleweng sedikit sahaja maka buruklah padahnya.

Hujah golongan ini bukanlah omong kosong. Berdasarkan laporan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sejak tahun 1990-an sehingga kini, berpuluhan fatwa mengenai ajaran sesat dikeluarkan. Malah, sehingga tahun 2022 terdapat lebih 40 ajaran sesat masih wujud di Selangor. Antaranya Ajaran Ibu Yati, Asma Al Husna, Millah Abraham, Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) atau ajaran Sittah Annur dan Rasul Melayu.

Tidak dinafikan, ada juga di antara yang melakukan fitnah dalam ajaran Islam ini adalah dalam kalangan lulusan agama sendiri. Mereka sering mewujudkan suasana tidak nyaman dengan menyatakan kumpulan itu bid'ah, orang di sana pula sesat dan sebagainya. Akhirnya masyarakat berpecah dengan kefahaman yang melampau ini.

Maka, jika dikatakan isu tauliah ini mengundang polemik, maka yakinilah bahawa di sebalik usaha mewujudkan tauliah itu pun, masih bertali arus pelbagai isu kronik lain yang bersangkutan dengan ummah. Apatah lagi jika tauliah tidak diwujudkan, apakah benar ia membawa kebaikan kepada umat?

Kami di Edisi MAIS kali ini, cuba meluruskannya. **Edisi**

MENGAJAR AGAMA ISLAM
TIADA LALUAN ISTIMEWA
DIBERIKAN UNTUK USTAZ, USTAZAH DI SELANGOR



Tiada laluan istimewa diberikan untuk ustaz, ustazah di Selangor

Shah Alam: Tiada 'laluan istimewa' atau pengecualian kepada penceramah yang berhasrat menyampaikan ceramah agama Islam di Selangor meskipun mereka dalam kalangan individu yang ahli politik, popular atau dikenali umum.

"Ustaz Azhar Idrus" pihak masjid itu ada buat permohonan iaitu pengecualian (untuk bebas), jawapan diberi dengan tebus bahan WAIS tidak ada pengecualian.

Pengeluaran dihantar mela-

datipada tidak memenuhi syarat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pembatalan ceramah dua penceramah iaitu Ustaz Azhar Idrus dan Ustaz Muhammed Wadi Annur di Selangor, baru-baru ini.

Terdahulu, beliau me-

MENGAJAR AGAMA ISLAM
TIADA LALUAN ISTIMEWA
DIBERIKAN UNTUK USTAZ, USTAZAH DI SELANGOR

NABI PENCETUS TAULIAH?



Oleh: **Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Sudah penat menadah ilmu, dari madrasah hingga ke universiti, apakah masih belum cukup? Apakah belum memadai seorang yang bergelar al-hafiz, menguasai 30 juzuk al-Quran, selagi belum menyandang pemegang tauliah? Lalu, sejauh manakah pentingnya tauliah ini? Hal ini perlu dilihat adil. Perlu dibedah secara saksama. Tanpa prejudis apa lagi menghukum sebelum masanya.

Secara makro, tauliah adalah batas undang-undang. Ia adalah suatu keperluan dalam memastikan semuanya berjalan sebagaimana sepatutnya. Negara tanpa undang-undang, huru haralah jawapannya.

Secara mikronya pula, tauliah adalah lesen bagi seseorang yang mahu mengajarkan agama. Samalah seperti pemandu kereta, wajib dia mempunyai lesen memandu. Biar pun pemandu itu adalah seorang yang sangat mahir, tanpa lesen dia tetap dianggap belum layak memandu. Itulah gambaran tauliah.

Maka, sudah menjadi hak bagi pemerintah sebuah negara untuk mewujudkan undang-undang yang bertujuan menyelamatkan rakyatnya. Di sebalik itu, para agamawan yang membangkang itu juga sepatutnya lebih tahu tentang kepentingan tauliah agama. Mereka pasti sedar, tauliah bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan agama. Malah selari dengan keperluan syariat. Ia termaktub dalam apa yang disebut sebagai kebijakan bernegara, atau siyarah syari'yyah oleh seseorang pemerintah.

Atas dasar itu jugalah, maka Allah SWT telah memberikan hak kepada pemerintah untuk menentukan batas-batas dalam sistem yang ada demi menjaga kebaikan rakyatnya. Allah SWT berfirman, iaitu: "(laitu) orang-orang yang jika Kami berkedudukan di bumi, mereka melaksanakan solat, menunaikan zakat, dan menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari

yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan." (al-Hajj: 41)

Maka, tidak salah jika pemerintah mewujudkan batas-batas tertentu demi menyelamatkan rakyatnya. Ia termaktub dalam agenda menyuruh yang makruf dan mencegah dari yang mungkar. Kaedah fiqh juga menyatakan: "Kebijakan Pemerintah atas rakyat harus didasarkan pada prinsip kemaslahatan (menjaga kepentingan rakyat)".

Maka, adalah malang jika masih ada segelintir agamawan yang terus menolak hakikat ini. Lebih malang lagi jika mereka berhujah kononnya nabi memerintahkan agar 'sampaikan daripadaku walaupun satu ayat'.

Ini kerana, memahami hadis-hadis nabi hendaklah dengan adil. Jangan lupa, amalan tanpa sistem dan kawalan juga bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini telah pun Allah SWT sebutkan di dalam surah as-Saff, ayat 2.

Nabi Muhammad SAW sendiri semasa mahu mengutuskan Muadz bin Jabal r.a ke Yaman, telah menguji terlebih dahulu kefahaman Muadz. Setelah berpuas hati, baharulah nabi mengutuskannya untuk menjadi gabenor dan sekaligus tempat rujukan di sana. Bukankah ini sudah cukup dijadikan dalil mengenai perlunya tauliah?

Kesimpulannya, tindakan DYMM Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam di negeri ini dengan mewakilkan urusan itu kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mengeluarkan tauliah, dan juga memantauinya melalui agensi penguatkuasaan, iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah benar. Ia mempunyai nilai di sisi undang-undang, juga nilainya di sisi agama.

Wallahu'a'lam. **Edisi**



MEMPERKASA GENERASI MUDA PEWARIS UMMAH



Oleh: Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)

Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)



Penjanaan generasi muda yang terbangun di atas dinamik ketakwaan, keimanan, keilmuan dan ketinggian sahsiah berpaksikan aqidah dan syariah sangat mendominasi generasi pewaris Ummah. Generasi muda yang berjaya adalah pemimpin terbaik menerajui kejayaan Ummah. Jika rosak atau koyak, maka pincanglah kepimpinan Ummah.

Ironinya bukan mudah untuk melahirkan generasi muda berkualiti ketika dunia sarat dengan teknologi yang membunuh jiwa dengan virus hedonisme, liberalisme dan pelbagai fahaman yang merosakkan. Justeru itu beberapa tindakan berterusan melalui konsep 5M di dalam memperkasa generasi muda sebagai pewaris ummah iaitu:

1 MANTAP PEGANGAN AQIDAH DAN SYARIAH

Mesti memiliki pegangan aqidah dan penghayatan syariah yang teguh. Pendorong utama untuk melakukan amal kebajikan dan tanggungjawab. Kepatuhan kepada syariah menjadi benteng kepada pembinaan generasi muda dan menjaga hubungan dengan Allah agar sentiasa 'awareness' dengan suruhan dan larangan agama pada setiap masa dan ketika. #Islam is way of life.

2 MANTAP AKHLAK DAN JATI DIRI

Mesti memiliki akhlak yang mulia dalam pertuturan dan perbuatan. Islam telah meletakkan bahawa insan terbaik adalah yang paling baik akhlaknya. Dengan adanya sifat mulia seperti lemah lembut, sedia membantu, tenang, bersyukur, menghormati sesama insan dan tidak memiliki sifat yang tercela pastinya Ummah akan menjadi bahagia dan harmoni. #Integriti sahsiah terpuji.

3 MANTAP INTELEK DAN KEMAHIRAN

Mesti memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Sifat mengutamakan ilmu dan pendidikan perlu dibudayakan. Penguasaan ilmu mampu melahirkan manusia yang bertindak secara rasional, benar dalam tindakan dan tidak melakukan perbuatan yang menyimpang daripada kehendak syariat serta menyumbang kebaikan Ummah. Kecemerlangan akademik adalah elemen utama dalam melahirkan generasi muda yang berkualiti dan proaktif di samping menimba ilmu dalam arus pmodernen yang telah memungkinkan segalanya di hujung jari melalui pelbagai wahana. #Knowledge is power.

4 MANTAP ROHANI DAN JASMANI

Mesti memiliki jiwa dan mental yang padu. Kebergantungan yang tinggi kepada Allah, menguasai keyakinan, kebolehan diri, bersedia untuk bersaing dan tidak mudah mengalah. Memiliki kekuatan rohani dan jasmani dalam membangunkan Ummah dan bersedia menempuh segala kekangan. #Badan Sihat, Akal Cerdas.

5 MANTAP IDEALISME DAN KEPIMPINAN

Mesti memiliki idealisme yang berfikiran kritis, berjiwa kental dan paradigma yang berkait rapat dengan fitrah manusia yang inginkan kebaikan, kebenaran dan kesempurnaan. Dihubungkan dengan corak kepimpinan pastinya lebih hebat dari sudut peribadi, akhlak dan amanah serta diimbangi dengan realiti semasa. Penghayatan idealisme perjuangan berteraskan Islam mampu membangunkan generasi muda yang berjiwa besar dan sedia berkorban. #Islam Memimpin.

Hakikatnya memperkasa generasi muda adalah suatu agenda Ummah yang perlu sentiasa dimantapkan dan dimurnikan dengan ilmu dan kemahiran kontemporari. Bermula daripada diri individu, keluarga, komuniti dan pemimpin bersedia untuk membangunkan generasi muda yang hebat. Yang tua dihormati dan yang muda dikasih. Sinergi di antara dua generasi ini sangat penting di dalam melahirkan generasi pewaris ummah. Seperti pepatah arab 'Hikmatu syuyukh, hammasatu syabab'; bermaksud hikmah orang tua, semangat orang muda. #selagi bernyawa. Edisi



“PENGURUSAN TAUliaH DI NEGERI SELANGOR”



Oleh: **Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)**
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Hadis Nabi SAW; “Sampaikanlah olehku walaupun satu ayat”. (HR Al-Bukhari). Merujuk kepada hadis tersebut maka semua orang Islam yang mukallaf digalakkan supaya berlumba-lumba melakukan kebaikan dengan berusaha menyampaikan sesuatu mesej walaupun hanya satu ayat daripada Nabi SAW. Walau bagaimanapun, harus difahami bahawa ketetapan undang-undang kepada yang mengajar agama seperti di masjid, surau, menyampaikan tazkirah dan sebagainya memerlukan sijil tauliah yang sah dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ini bertepatan dengan ketetapan Seksyen 118, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, pindaan 2016. Ianya bertujuan untuk memastikan seseorang itu mempunyai;

- | | | |
|---|------------|-------------------------------------|
| 1 | Kelayakan | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 2 | Kemahiran | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 3 | Kemampuan | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 4 | Penguasaan | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 5 | Ilmu | <input checked="" type="checkbox"/> |



KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN TAUliaH

DYMM Sultan Selangor mengingatkan tauliah mengajar atau berceramah layak diberikan kepada seseorang yang benar-benar mahir dan berpengetahuan luas dalam ilmu-ilmu Islam. Keperluan tersebut untuk memastikan;

- i. Kelayakan untuk mengajar agama
- ii. Mengkang ajaran dan fahaman salah
- iii. Mengelak perkara kontroversi dan sensitif
- iv. Mencegah platform ceramah untuk menghina dan mengaibkan orang lain
- v. Pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang

KAEDAH PERMOHONAN TAUliaH

Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Jawatankuasa Tauliah telah melaksanakan bidangkuasanya dengan mengimplementasikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi memudahkan pengurusan permohonan tauliah di Negeri Selangor seperti berikut;

- 1 Isi borang Permohonan Tauliah Mengajar di Selangor (Bor/BD/PK(01)-01) dengan lengkap (Borang ini boleh diperolehi dari Unit Dakwah, Pejabat Agama Islam Daerah di Negeri Selangor ATAU di Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor ATAU download borang permohonan di laman web JAIS iaitu <http://www.jais.gov.my>).
- 2 Serahkan borang tersebut ke Pejabat Agama Islam Daerah yang berhampiran dengan tempat tinggal pemohon.

- 3 Pemohon akan dipanggil oleh Pejabat Agama Islam Daerah untuk sesi ujian bertulis.
- 4 Pemohon akan dipanggil oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor untuk sesi temu duga sekiranya lulus ujian bertulis.
- 5 Keputusan sama ada pemohon layak untuk diberikan tauliah atau tidak hanya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tauliah MAIS setelah pihak Jawatankuasa bersidang dan berpuas hati dengan kelayakan, memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta melepas tapisan keselamatan.

KATEGORI TAUliaH

Tauliah ini diberikan kepada pemohon yang layak mengikut kategori tertentu. Pengeluaran tauliah ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 118 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 Pindaan 2016. Kategori Tauliah adalah terbahagi kepada 4 iaitu:

- | | |
|---|--|
| 1 | Tauliah Berceramah |
| 2 | Tauliah Mengajar Fardhu Ain |
| 3 | Tauliah Mengajar Al-Quran |
| 4 | Tauliah Khas (Contoh: Pengurusan Jenazah, Perbandingan Agama, Perbankan Islam, Motivasi) |

Semoga dengan penjelasan ini akan memberikan kefahaman mengenai kepentingan tauliah mengajar dan membantu memudahkan permohonan tauliah mengajar di Negeri Selangor. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai tauliah mengajar di Selangor, sila hubungi talian **03-55143513 (Urusetia Tauliah)** atau atau layari portal <http://tauliah.jais.gov.my>

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



KUBUR TANPA NISAN



Oleh: Maryam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS

Adakah anda ingat dan tahu mengenai ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit? Ajaran ini didapati tersasar daripada ajaran Islam yang sebenar dan umat Islam dilarang mengamalkannya. Selain ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit, terdapat sebanyak 43 ajaran lain yang telah difatwakan sesat dan menyeleweng oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Kebanyakan ajaran yang telah difatwakan sesat dilihat seolah-olah tidak wujud lagi. Ia juga boleh dikatakan sudah tidak lagi diketahui oleh masyarakat. Namun, walaupun kelihatan seperti sudah tiada, tidak semestinya ia terhenti sepenuhnya. Apakah lagi jika ajaran tersebut masih dikenang atau diwarisi oleh individu atau kumpulan tertentu sehingga ada masa tertentu ia timbul dengan nama baharu menggantikan nama asal ajaran yang telah difatwakan itu. Mereka masih mengamalkan keyakinan atau amalan-amalan sesat yang serupa dengannya. Boleh dikatakan juga bahawa walaupun telah diisyitharkan sebagai ajaran sesat, mereka masih aktif secara sembunyi mengamalkan ajaran mereka sehingga sukar diambil tindakan oleh pihak berkuasa agama.

Ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng ini pada mulanya tidak diketahui oleh masyarakat, bahkan para pengikutnya tidak mengisyihar diri mereka sebagai pengamal sebuah ajaran agama yang baru.

Mereka juga tidak memiliki nama tertentu untuk amalan dan keyakinan beragama yang mereka yakini dan laksanakan setiap hari. Masyarakat akan mula mengetahui kehadiran aliran atau fahaman ajaran tersebut setelah mendapat publisiti dan liputan dari media.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sentiasa melaksanakan langkah-langkah membanteras ajaran sesat seperti membuat pemantauan dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain. Orang awam boleh membuat aduan ke Bahagian Penguatkuasaan JAIS sekiranya mendapati ajaran yang difatwakan sesat menjalankan kegiatan mereka di Negeri Selangor.

Selain itu, JAIS juga secara berterusan melaksanakan program-program penjelasan dan kesedaran mengenai pengukuhan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di setiap peringkat lapisan masyarakat. Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) juga telah menyediakan senarai ajaran yang telah difatwakan sesat untuk rujukan orang Islam supaya lebih berhati-hati dalam memilih keyakinan dan menghindari ajaran sesat yang bercanggah dengan ajaran Agama Islam.

Namun, dalam melaksanakan langkah membanteras ajaran sesat terdapat masalah atau cabaran yang timbul sehingga menyebabkan ketua atau pengikut ajaran ini sukar didakwa ke muka pengadilan. Kegiatan ajaran sesat diadakan di tempat-tempat sulit dan tersembunyi pada waktu yang sukar untuk dikesan dan mereka sering bertukar lokasi dan nama kumpulan untuk meneruskan ajaran.

Akhirnya ia memberi kesan kepada pihak pendakwa syarie untuk mendapatkan saksi yang berani tampil memberikan maklumat kukuh selain daripada memperoleh bahan bukti yang tidak boleh dicabar dengan mudah oleh tertuduh.

Oleh itu, setiap individu dan komponen masyarakat perlu berani tampil memberikan maklumat dan menjadi saksi di mahkamah bagi kes ajaran sesat serta perlu sentiasa mempelajari dan memahami akidah, syariah, ibadah dan akhlak mengikut ajaran Agama Islam yang benar dan tepat.

Masyarakat juga hendaklah mencegah diri dari terlibat dengan ajaran sesat yang boleh merosakkan keyakinan terhadap beragama serta ajaran yang boleh menjadi ancaman kepada perpaduan umat, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara. **Edisi**



HALAL: SUMBER KESIHATAN



Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Pendahuluan

Perkataan halal adalah satu istilah yang tidak asing bagi masyarakat Malaysia sama ada masyarakat Islam dan bukan Islam. Isu halal yang telah dilaporkan banyak menyedarkan masyarakat supaya lebih cakna dan sensitif terhadap sumber barang yang dipakai dan dimakan. Barang dan makanan yang halal adalah sumber kepada kesihatan tubuh badan.

Perkara ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global. Justeru, adalah sangat penting bagi masyarakat dalam memahami dan terlibat secara langsung sebagai masyarakat yang prihatin dalam menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa agama yang menyelia pengurusan halal dalam negara.

Takrifan

Menurut Kamus Dewan, perkataan halal ditakrifkan sebagai sesuatu yang diperbolehkan dan tidak ditegah oleh syarak manakala jika dirujuk pada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia pula iaitu "Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam."

Konsep Halal

Di Malaysia, Konsep Halalan Tayyiban telah digunakan sebagai satu konsep penentuan hukum halal. Namun konsep tersebut tidak hanya dilihat dari sudut perspektif hukum syarak semata-mata yang membahaskan permasalahan hukum halal dan haram, malah ianya juga dikaitkan dengan amalan kesihatan yang baik, amalan kebersihan dan keselamatan yang baik termasuk sistem pengurusan terhadap penghasilannya.

Terdapat banyak kajian berkisar tentang hukum fiqh dan kaedahnya, terdapat juga perbahasan berkaitan aspek hukum yang dikaitkan dengan teknologi makanan dan kesihatan yang menyentuh aspek zat makanan itu sendiri sama ada dikategorikan sebagai suatu yang halal, haram dan syubhah sesuatu produk.

Isu Halal

Ilmu pengetahuan berkaitan halal dan haram dalam masyarakat Islam Malaysia masih di tahap rendah. Hal ini disedari apabila kebanyakan masyarakat melayu Islam kini tidak sensitif akan status halal namun mereka hanya memandang kepada trend semasa dan rasa makanan tersebut sahaja. Terdapat juga beberapa perkara lain yang sering menjadi isu halal seperti berikut:

1. Isu sembelihan;
2. Pengeluaran produk makanan dan minuman;
3. Pekerja sektor makanan (Bukan Islam);
4. Percampuran produk halal dan tidak halal;
5. Pemalsuan penggunaan loga/sijil halal; dan
6. Penipuan bahan makanan yang diproses.



Pada zahirnya pengurusan halal mempunyai potensi pasaran yang sangat luas, namun rasa bimbang tentang kemungkinan kegagalan dan permasalahan tetap wujud. Permasalahan ini wujud daripada sikap negatif individu Islam terhadap nilai Islam, produk Islam dan jenama halal. Secara tidak langsung permasalahan ini juga menyebabkan permasalahan global kerana nilai etika seorang individu yang tidak prihatin tentang halal dan haram sesuatu makanan atau produk.

Justeru di sinilah terletaknya peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di mana negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam menentukan perkara-perkara berkaitan agama Islam sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Penyeragaman pensijilan hanyalah melibatkan prosedur pensijilan dan proses kerja dalam pengeluaran dan pemantauan sijil halal sahaja. Ianya tidak akan menyentuh kuasa Raja-raja sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing. Dalam hal ini peranan dan tanggungjawab negeri dalam pensijilan halal Malaysia adalah;

- a. MAIN adalah sebagai pihak Berkuasa Agama Negeri sebagai mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia;
- b. MAIN bertanggungjawab dalam penentuan hukum syarak dengan merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi mendapatkan hukum terhadap sesuatu perkara yang belum ada hukum mengenainya;
- c. MAIN bertanggungjawab melantik pengurus dan ahli-ahli Panel Jawatankuasa Halal Negeri;
- d. JAIN akan menyediakan keperluan logistik kepada pegawai-pegawai JAKIM yang akan ditempatkan di negeri-negeri sekiranya perlu; dan
- e. JAIN bertanggungjawab dalam proses permohonan, pemeriksaan premis, penyediaan laporan pemeriksaan dalam Panel Jawatankuasa Halal Negeri.

Penutup

Secara kesimpulannya, pihak berkuasa agama perlu memantapkan sistem pengurusan yang berkualiti berdasarkan perspektif Islam yang menitikberatkan konsep Itqan dan nilai Ihsan. Malah kedua-dua perkara tersebut dapat memastikan kelangsungan sistem pengurusan yang baik dalam sesebuah organisasi. Impaknya, sistem pengurusan kualiti lebih bersifat holistik dan dapat berubah mengikut keperluan persekitaran, isu, cabaran dan kehendak pelanggan.

Oleh itu pihak berkuasa agama perlu mengambil inisiatif dalam membina satu piawaian terbaik dalam memudahkan pengusaha untuk mengeluarkan produk makanan yang berkualiti. Dalam masa yang sama, pengguna juga dapat merujuk kepada garis panduan terbaik berkaitan halal di Malaysia yang mematuhi syariah. Walluhua'lam. **Edisi**

PERUNDANGAN TAULIAH



Oleh: Maryam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menjalankan fungsi berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu: ‘Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini’

Salah satu perkara berhubung dengan Agama Islam adalah hal-hal berkaitan dakwah. Dakwah berfungsi secara korektif bagi meluruskan akhlak, mencegah kemungkar dan mengeluarkan manusia dari kegelapan rohani. Dakwah juga adalah mekanisme untuk menyampaikan ilmu Agama Islam kepada masyarakat iaitu ilmu akidah, syariah dan akhlak supaya masyarakat faham dan berilmu. MAIS telah mensyaratkan kepada pendakwah-pendakwah sebagai penceramah di Negeri Selangor untuk memohon tauliah bagi memudahkan kawalan dan pemantauan penyebaran ilmu dapat dilaksanakan.

Bagi tujuan ini, Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan bahawa MAIS hendaklah melantik suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Tauliah dan bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa itu. Dalam peruntukan ini juga turut menyatakan bahawa Jawatankuasa Tauliah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang Agama Islam serta menarik balik tauliah itu dan MAIS juga boleh membuat peraturan-peraturan bagi tujuan ini.

Oleh itu, MAIS telah mewartakan Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 bagi memudahkan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) selaku Setiausaha kepada Jawatankuasa Tauliah serta pelaksana penguatkuasaan perundangan tauliah terutamanya bagi penguatkuasaan Seksyen 119 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dalam memantau setiap aktiviti ceramah di masjid dan surau di Negeri Selangor.

Peraturan 17 Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 menyatakan mengenai kuasa Jawatankuasa untuk menggantung atau menarik balik tauliah yang telah dikeluarkan kepada seseorang Pemegang Tauliah jika Jawatankuasa mendapati bahawa:

- (a) Pemegang Tauliah telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam Tauliah;
- (b) Pemegang Tauliah memberi ceramah umum atau mengajar pengajaran Agama Islam secara yang bertentangan dengan syariah atau aqidah Islamiah;
- (c) Pemegang Tauliah memberi ceramah umum atau memberi pengajaran Agama Islam yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau bagi mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia;
- (d) Pemegang Tauliah memberi tafsiran yang tidak tepat, keliru atau menyeleweng dari ajaran sebenar agama dalam ceramah umum atau pengajaran Agama Islamnya;
- (e) Pemegang Tauliah tidak mematuhi apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan secara sah oleh MAIS atau Jawatankuasa; atau
- (f) Pemegang Tauliah berkelakuan dengan cara yang mencemarkan Agama Islam.

Justeru, berdasarkan Peraturan 20, apabila Jawatankuasa menggantung atau menarik balik sesuatu Tauliah, pemegang tauliah hendaklah terhenti dari menjalankan apa-apa ceramah umum atau mengajar Agama Islam sebagaimana yang sebelumnya dibenarkan.

Sehingga kini, perundangan tauliah di Negeri Selangor masih berkuat kuasa dan masyarakat perlu mematuhi dan menghormatinya agar usaha ini dapat mengekang penyebaran ideologi sesat, menyeleweng serta amalan-amalan yang tidak berlandaskan Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qiyyas.

Bagi menjamin kesejahteraan orang Islam agar berpegang teguh kepada ajaran agama serta mengawasi mereka supaya menjalani kehidupan mengikut syariat Islam, fungsi Mahkamah Syariah akan terus di perkasa demi kelangsungan keharmonian negara. **Edisi**

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Bahagian Undang-Undang Syariah, Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor

Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5514 3643 • Fax: 03-5512 7202 • Portal Rasmi: www.mais.gov.my

ANAK ISTIMEWA



Oleh: Mohammad Salleh Bin Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran



Anak merupakan anugerah yang tidak ternilai daripada Allah SWT kepada hambanya. Anak juga menjadi saham akhirat buat ibu bapanya kerana salah satu amalan pahala yang sampai kepada simati adalah doa anak yang soleh. Namun, lain pula bagi anak istimewa atau anak berkelainan upaya merupakan anak syurga yang dianugerahkan kepada ibu bapa yang terpilih.

Bagi pasangan yang mempunyai anak istimewa, maka ia merupakan ujian Allah kepada umatnya. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu ujian)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta” (Surah al-Ankabut ayat 2-3). Sabar dan tabah menghadapi ujian Allah SWT dengan sentiasa mengadu dan bergantung harap kepada Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tidak ada suatu rezeki pun yang Allah berikan kepada seseorang hamba yang lebih luas baginya daripada sabar” (Riwayat al-Hakim).

Beberapa saranan dan kaedah kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa iaitu:

I. RAWATAN : Diagnosis anak dan dapatkan rawatan dari Doktor pakar secara berkala untuk menilai kesihatan anak istimewa.

II. FAHAM KONDISI : Memahami tingkah laku anak dan kondisi anak yang berbeza daripada anak-anak normal.

III. POSITIF : Sentiasa berfikiran positif bahawa anak-anak Syurga ini sentiasa memberi keberkatan dalam hidup kita.

IV. SEKOLAH KHAS : Daftarkan anak-anak istimewa ke sekolah khas untuk memastikan mereka tidak kecinciran dan melihat kelebihan di sebalik kekurangan anak ini.

Ada beberapa NGO yang menguruskan anak-anak istimewa ini antaranya Yayasan Faqeh. Yayasan ini merupakan NGO OKU Muslim ditubuhkan pada 7 Februari 2013M bersamaan 26 Rabiul Awwal 1434H dan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Objektif penubuhan adalah memberi peluang kepada anak-anak istimewa untuk menerima Pendidikan agama yang berteraskan maqasid Syariah. Pelbagai program dan aktiviti yang dilakukan oleh Yayasan ini bagi memberi ilmu yang bermanfaat buat anak-anak istimewa.

Pertubuhan seperti ini perlu dibanyakkan lagi bagi menjaga kebijakan anak-anak istimewa dalam memberikan hak kepada mereka untuk meneruskan kehidupan yang mendatang. Semoga ibubapa yang mempunyai anak-anak istimewa diberi kesabaran dan ganjaran pahala berlipat kali ganda dalam menjaga kebijakan mereka. [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MAIS Sumbang RM11.3 Juta Bantu Operasi Rumah Pemulihan Riqab (RPR)

APRIL 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan RM11.3 juta kepada 26 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) menerusi Geran Bantuan Pemulihan Riqab bagi membantu kebijakan asnaf riqab khususnya di Negeri Selangor. [Edisi](#)



RM261,500 Bantu Mangsa Gempa Bumi Turkiye Dan Syria

APRIL 2023 – Sebanyak RM261,500.00 peruntukan kemanusiaan khususnya bagi membantu mangsa gempa bumi di Negara Turkiye dan Syria. Sumbangan RM261,500.00 itu meliputi peruntukan Baitulmal MAIS berjumlah RM98,000.00. [Edisi](#)



Program Penerangan Berkaitan Isu Kalimah Allah

MEI 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan program penerangan berkaitan Isu Kalimah Allah yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Zainul Rijal Abu Bakar dan YBhg. Tuan Mohamed Haniff Khatri Abdulla bagi tujuan penjelasan berkaitan isu kalimah Allah serta memperkasakan syiar Islam di Negeri Selangor. [Edisi](#)



Program Penghayatan Islam Komuniti Disayangi Anjuran Bahagian Pemulihan Ar-Riqab

MEI 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Ar-Riqab telah menganjurkan Program Pencegahan Penghayatan Islam Komuniti Disayangi Bahagian Pemulihan Ar-Riqab bermula pada 19-21 Mei 2023. [Edisi](#)

Seminar Muamalat 2023, Rancang Harta, Urus Pusaka

JUNE 2023 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal telah dijemput hadir sebagai ahli panel bagi memberi penerangan berkaitan Pengurusan Harta Semasa Hidup dan Setelah Kematian dalam Seminar Muamalat 2023 anjuran Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [Edisi](#)



Hari Bertemu Pelanggan Bulan Sumber Manusia PERODUA

JUN 2023 – Bersempena Hari Bertemu Pelanggan PERODUA yang dilaksanakan di Serambi Cafe PERODUA Manufacturing Sdn Bhd., Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal telah membuka kaunter baitulmal khusus kepada pengunjung bagi berkongsi maklumat berkaitan pengurusan harta umat Islam termasuk harta pusaka. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor



Ceramah Nuzul Al-Quran Oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

APRIL 2023 - SS Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir telah dijemput menyampaikan tazkirah di Sekolah Agama Menengah Tanjong Karang (SAMTAK) bersempena Nuzul al-Quran. [Edisi](#)



Program Malam Penerokaan Angkasa Di Masjid Hashimiah Sg. Limau, Sungai Besar

MEI 2023 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Program Malam Penerokaan Angkasa di Masjid Hashimiah, Sungai Limau, Sungai Besar, Sabak Bernam pada 26 Mei 2023 bersamaan 6 Zulqa'dah 1444H. [Edisi](#)



Program Bicara 2 Mufti

JUNE 2023 - Buat julung kalinya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Program Bicara 2 Mufti dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Masjid Al-Umm, Bandar Baru Bangi. [Edisi](#)



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 Dan Jasamu Dikenang

MEI 2023 - JAKESS telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 dan Jasamu Dikenang bertempat di Hotel Concorde Shah Alam sebagai satu tanda pengiktirafan dan penghargaan Jabatan kepada anggota perkhidmatan awam khususnya warga JAKESS. [Edisi](#)

Bacaan Undang-Undang Kali Ketiga Mahkamah Rendah Syariah Ampang

JUNE 2023 - Bacaan undang-undang siri ketiga bagi Mahkamah Rendah Syariah Ampang telah diadakan pada pagi hari ini buat kesekian kalinya. Perbincangan diteruskan lagi dengan membaca Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2023 (Pindaan 2022). [Edisi](#)



Kursus Pasca Akrab

JUNE 2023 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor telah menghantar dua orang Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) ke Kursus Pasca Akrab anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertempat di Mardhiyyah Hotel And Suites. Program ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Samigon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Majlis Perasmian Masjid Al-Ma'arufiah Dan Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1444H

APRIL 2023 – Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan Masjid Al-Ma'arufiah ketika berangkat hadir ke Majlis Perasmian Masjid Al-Ma'arufiah dan Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat serta Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1444H. [Edisi](#)



Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1444H/2023M

MEI 2023 – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenaan berangkat hadir ke Penutupan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1444H/2023M mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. [Edisi](#)



PWS Salur Sumbangan Wakaf Tunai Kepada Surau Sekolah Kebangsaan Parit 4, Sungai Besar

MEI 2023 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) meneruskan program menyantuni penerima sumbangan Wakaf Tunai PWS iaitu Sekolah Kebangsaan Parit 4, Sungai Besar, Sabak Bernam. [Edisi](#)



PERODUA Sumbang Wakaf Sebuah Kereta Ativa Kepada PWS

JUNE 2023 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menerima sumbangan sebuah kenderaan Perodua Ativa 1.0L Turbo AV daripada Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) bagi menghargai dan menyokong perjuangan PWS dalam mengurus dan mentadbir harta wakaf di Selangor. [Edisi](#)



Program Ziarah Asnaf & Bubur Lambuk Lembaga Zakat Selangor Daerah Hulu Selangor

APRIL 2023 – Operasi Agihan Daerah Hulu Selangor berpeluang menziarahi beberapa buah rumah asnaf dan dalam waktu yang sama kami turut mengedarkan 400 paket bubur lambuk pada setiap surau yang berada di bawah kariah Masjid Bandar Utama Batang Kali dan agensi yang berhampiran. [Edisi](#)



Sumbangan Mesin Bantuan Pernafasan Buat Ibu Tunggal



JUNE 2023 – Seorang asnaf yang menghidap penyakit kanser payu dari sejak 4 tahun yang lalu telah disantuni Zakat Selangor. Beliau merupakan seorang ibu tunggal yang menyara seorang anak yang masih bersekolah, manakala 3 anak yang lain yang sudah bekerja. Kini masalah pernafasannya semakin merosot, untuk itu kami hadir untuk sumbangkan satu set Medical Oxygen Concentrator dan satu set Medical Oxygen Tank Set bagi memudahkan beliau membuat rawatan kecemasan di rumah. [Edisi](#)

Sumber : Universiti Islam Selangor



Majlis Aidilfitri Dan Hari Terbuka UIS 2023 Disambut Meriah

MEI 2023 - Universiti Islam Selangor (UIS) telah menganjurkan Majlis Sambutan Raya dan Hari Terbuka UIS 2023 dengan kehadiran seluruh warga UIS dan sekolah-sekolah jemputan sebagai rakan strategik. [Edisi](#)



Universiti Islam Selangor (UIS) Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Dengan Universiti Darussalam (UNIDA) Gontor

JUNE 2023 - Bersempena Karnival Pameran Sambutan Ulang Tahun Penubuhan UIS ke-28, UIS telah menandatangi MoA dengan UNIDA Gondor secara dalam talian untuk menjalankan sebuah penyelidikan "The Implementation of Waqf Sukuk in Malaysia & Indonesia" yang diketuai oleh Dr. Zainab Aman, Pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah. [Edisi](#)



YIDE Salur Sumbangan RM1.4 Juta Melibatkan Seramai 9,081 Anak Yatim Penerima Manfaat

APRIL 2023 - Sebanyak RM1.4 Juta telah diperuntukkan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) bagi menyalurkan sumbangan aidilfitri kepada anak-anak yatim seramai 9,081 orang penerima yang melibatkan keseluruhan daerah di negeri Selangor. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Beberapa Kawasan Di Klang Dan Setia Alam 'Lumpuh' Dilanda Banjir Kilat

JUNE 2023 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) turun pada menyantuni dan menyerahkan sumbangan kepada 39 buah keluarga mangsa yang terjejas akibat banjir kilat yang berlaku. Hujan lebat yang berterusan menyebabkan beberapa kawasan di Klang dinaiki air dan beberapa penduduk terpaksa dipindahkan. [Edisi](#)



TERAS Membayar Zakat Perniagaan Sebanyak RM52,000 Kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS)

APRIL 2023 - TERAS Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd turut menunaikan zakat sebanyak RM52,000.00 dan telah diserahkan dalam Majlis Iftar Bersama Muzakki dan Penyerahan Zakat Ramadan (IMTIYAZ) 2023. [Edisi](#)



TERAS Anjur Kursus Lanjutan Keusahawanan

JUN 2023 – Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd telah menganjurkan Kursus Lanjutan Keusahawanan kepada 22 orang Usahawan Asnaf Bimbangan TERAS. Kursus Lanjutan Keusahawanan ini diadakan di TH Hotel Kelana Jaya selama dua hari pada 10 dan 11 Jun 2023. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 2/2023)



Oleh: Ustaz Hamizul Bin Abdul Hamid
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamualaikum. كَيْفَ حَالُكُمْ جَمِيعُ الْقُرَاءِ؟ (Apa khabar pembaca semua?) Pada kali ini kita akan belajar menggunakan perkataan-perkataan ringkas yang boleh digunakan sehari-hari dalam perbualan.

Makna	Bunyi dalam Melayu	Bahasa Arab
Sekarang	Al-Aan	الآن
Semalam	Ams	أمس
Esok	Ghadan	غداً
Juga	Aidon	أيضاً
Mantap / Sempurna	Tamam	تمامٌ
Bagus	Khair	حَيْرٌ
Baiklah	Thayyib	طَيِّبٌ
Saja / Cukup	Faqad	فَقْطُ
Sedikit	Qalil	قليلٌ
Baharu sahaja	Qabla Qalil	قبل قليلٍ
Perlahan-lahan	Mahlan	مَهْلًا

Maka bagaimana menggunakan? Caranya, selitkan dalam pertuturan harian sebagaimana kita sering menyelitkan Bahasa Inggeris.

Contoh:

1. Amirul, Ustaz Salehuddin mahukan fail itu, al-aan (sekarang).
2. Khabarnya Ustazah Sabariah sudah balik dari Mekah, ams (semalam).
3. Ali dan Abu, ghadan (esok), kita minum pagi di Café Ceria ya.
4. Saya rasa bahagia berjumpa dengan kamu. Jawablah: Ana aidon (saya juga).
5. Bagaimana dengan kerja rumah yang saya beri semalam? Jawablah: Selesai, tamam (sempurna).
6. Abu, adakah rakan sekkerja kamu bagus pekerjaannya? Jawablah: Khair (bagus).
7. Saya tidak akan pergi ke majlis itu, saya sudah letih dan memadai di sini sahaja, faqad (cukup) bagi saya.
8. Berapa banyak sukatan gula ini untuk secawan kopi? Jawablah: Saya tidak suka manis, gulanya qalil (sedikit).
9. Bila awak sampai ke Shah Alam? Jawablah: Qabla qalil (baharu sahaja).
10. Kenderaan semua bergerak mahlan (perlahan-lahan), sebab di depan sana ada kereta rosak.

Bagaimana? Mudah sahajakan. Maka, ayat ini boleh diamalkan sehari-hari. Jika mahu tidur, maka katakan dalam Bahasa Arab saya mahu tidur. Jika mahu mandi, juga boleh diucapkan dalam Bahasa Arab. Di sini disediakan beberapa contohnya. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KETIGA PULUH EMPAT)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA ARAB (KATA UNGKAPAN ASING)

Sambungan...

Kata serapan Bahasa Arab amat sinonim dengan orang melayu. Ia mula digunakan selaras dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Malah terdapat perkataan Bahasa Arab yang dituturkan oleh orang melayu dan dieja mengikut kaedah Melayu serta diubah maksud dari makna Bahasa arab itu sendiri.

vii. Kata umum Bahasa Arab, kata asalnya ditulis dengan ta marbutoh pada akhir perkataan tetapi dibunyikan oleh orang melayu dengan sebutan "h/ha", maka hendaklah dieja dengan "ha/s" Contohnya:

Rumi	Asal Ejaan Arab	Ejaan jawi baharu	
amanah	أمانة	امانه	sifat
amanat		امانت	Kata kerja
hikmah	حكمة	حکمه	Kata nama
hikmat		حکمت	Kata nama

viii. Kata umum Bahasa Arab yang diserap sepenuhnya oleh orang melayu, dituturkan oleh orang melayu mengikut bunyi melayu dan dieja mengikut kaedah melayu, malah ada yang diberi makna lain dari bahasa asalnya. Contohnya:

Rumi	Asal Ejaan Arab	Ejaan jawi baharu
hasut	حسود	هاسوت
peduli	فضولي	ڤڈولي
rakam	رقم	راقم
milik	ملك	میلیق
fardu	فرض	فرلو
juadah	زوادة	جواده

Edisi



FAIZAL@GHAZI KONGSI RAHSIA 20 TAHUN MENYAYANGI ANAK YATIM



Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan MAIS

Betapa pentingnya menyayangi dan melindungi anak-anak yatim, maka Allah SWT telah berjanji untuk memberi ganjaran yang amat besar kepada sesiapa sahaja yang menyantuni mereka.

Dalam Al-Quran jelas menegaskan bahawa, betapa pentingnya anak-anak yatim dipelihara yang maksudnya, "Mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: Memperbaiki keadaan mereka adalah baik." (Al-Baqarah:220)

Menceritakan disebalik rahsia 20 tahun menyayangi anak yatim, Faizal@Ghazi Yeslam, Timbalan Penggerusi atau Pengurus Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah berkata, beliau amat menyayangi anak-anak yatim kerana apabila kita menyantuni mereka, kita akan mendapat ganjaran yang baik dari Allah SWT.



Encik Faizal@Ghazi Yeslam,
Pengurus Persatuan Kebajikan
Anak Yatim dan Miskin Al-
Munirah ketika ditemubual oleh
penulis.

"Alhamdulillah, selama 20 tahun, saya hidup dengan membantu anak-anak yatim, betapa mereka memerlukan perhatian dan bimbingan tanpa orang tua mereka.

"Terasa hidup tenang, walaupun pelbagai karenah anak-anak yatim yang perlu dilalui, ianya tidak menjadi masalah untuk kita hadapi dengan hati yang ikhlas," katanya.

Ketika ditanya, apakah rahsia menyayangi anak-anak yatim sehingga tertubuhnya Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, Faizal@Ghazi memberitahu, setiap orang perlu ada minat dan tanggungjawab dalam setiap perkara termasuk bersikap ikhlas dalam setiap perbuatan terutama dalam menyantuni anak-anak yatim.

"Semangat untuk menjayakan amal jariah, sekurang kurangnya bila kita menyumbang kepada anak-anak yatim ni, tuhan gandakan kita rezeki yang sedikit sebanyak kita tak nampak rezeki tu."

"Rezeki datang dengan pelbagai cara yang kita tak nampak apabila menyantuni anak yatim seperti rezeki kesihatan yang baik, hidup kita tenang tanpa masalah yang datang dan setiap perkara yang kita buat, insyaAllah dipermudahkan urusan," katanya.

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Rumah Kebajikan Anak Yatim & Miskin Al-Munirah telah diilhamkan oleh Pengurusnya iaitu Haji Mohd Termizi bin Ismail dan direalisasikan oleh beliau sendiri melalui persetujuan sahabat serta dorongan penduduk Kampung Johan Setia yang bersedia menyumbang tenaga dan fikiran sebagai sukarelawan bagi menjayakan penubuhan rumah anak yatim.

Sebagai langkah pertama, beliau telah menganjurkan perjumpaan pertama pada 8 Januari 2002 dengan dihadiri seramai 18 orang jawatankuasa penaja. Pada tarikh tersebut, telah tertubuh secara rasmi Jawatankuasa Penaja Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah dengan dipengerusikan sendiri oleh Haji Mohd Termizi.

Jawatankuasa Penaja ini berperanan untuk mencari dana bagi membeli tapak tanah untuk didirikan sebuah bangunan kediaman bagi menempatkan anak-anak yatim dan sebagai pusat operasi Rumah Kebajikan Anak Yatim & Miskin Al-Munirah.

Hasil usaha gigih selama hampir setahun, Ahli Jawatankuasa Penaja akhirnya telah berjaya mengumpul dana berjumlah RM450,000.00 bagi membeli sebidang tanah (1.0165 ekar) untuk dijadikan tapak bangunan di Kampung Johan Setia.

Setelah segala urusan pembelian tanah selesai, Ahli Jawatankuasa Penaja dan Ahli Persatuan yang lain turut meneruskan usaha mencari dana lagi bagi menjayakan rancangan sehingga tertubuhnya rumah kediaman dan pusat operasi Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah.

BERDAFTAR DI BAWAH YIDE

Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah merupakan salah satu rumah kebajikan anak yatim yang berdaftar di bawah Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

YIDE merupakan anak syarikat di bawah seliaan MAIS yang bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal anak yatim, pengurusan sumbangan musibah dan perkhidmatan hemodialisis kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor.

MAIS memperuntukkan dana RM500,000.00 setahun bagi menyantuni kebajikan anak-anak yatim terutama di Negeri Selangor. Dana sumbangan diberikan menerusi peruntukan Baitulmal MAIS kepada YIDE yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia hal ehwal kebajikan anak-anak yatim sekitar Selangor.

Sebagai sebuah agensi Islam yang bertanggungjawab dalam menyantuni anak yatim, MAIS sentiasa memberi sokongan kepada YIDE dalam menyantuni anak yatim. Semoga YIDE terus maju dalam memelihara kebajikan dan hal ehwal pengurusan anak yatim di Negeri Selangor. **Edisi**



Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah yang terletak di Kampung Johan Setia.

KEMAMPUAN HAJI YANG BERUBAH



Oleh: Mohamad Shukry Bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor



Ibadah haji adalah satu kewajipan yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim yang berkemampuan. Ini kerana ia merupakan rukun Islam yang kelima, yang perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup. Antara dalil kewajipan haji adalah pada firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 97:

Maksudnya: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Daripada ayat di atas, dapat kita lihat bahawa kewajipan melaksanakan ibadah haji adalah bagi mereka yang berkemampuan dirujuk dari kata *Istiq'ah* dalam ayat ini. Kemampuan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek. Iaitu, yang pertama dari segi kesihatan. Kedua, kewangan. Ketiga, keselamatan. Dan yang terakhir adalah kenderaan untuk perjalanan pergi dan balik.

Hukum asal bagi ibadah haji adalah wajib, tetapi ianya boleh berubah mengikut situasi-situasi tertentu, antaranya ialah:

SITUASI 1: Individu yang berkemampuan, hendak melakukan haji ketika wabak COVID-19 melanda.

Dalam situasi ini, hukum haji pada tahun itu adalah tidak wajib berdasarkan kaedah *fiqh*, yang bermaksud kemudaratannya itu hendaklah dihindari semampu mungkin.

SITUASI 2: Individu yang berkemampuan, hendak melakukan haji tetapi ditipu oleh syarikat agensi.

Dalam keadaan ini, jelas dapat dilihat bahawa telah gugurnya kemampuan individu tersebut dari segi kewangan. Oleh itu, haji boleh ditangguhkan sehingga tahun berikutnya. Tetapi, sekiranya kadar perbelanjaan haji dan umrah melebihi tahap kemampuan mereka, maka tidak wajib bagi mereka untuk melaksanakannya.

SITUASI 3: Individu yang berkemampuan, hendak melakukan haji tetapi kesihatannya mengganggu.

Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembah seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji. Tetapi, pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan dari sudut kewangan. Walau bagaimanapun, sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan. **Edisi**



Apa Tunggu Lagi?

JOM TAKSIR ZAKAT

MUAT TURUN APPLIKASI ZAKAT SELANGOR

GET IT ON Google Play Download on the App Store





POPULAR TIDAK SEMESTINYA TEPAT



Oleh: Hasal Bin Senin hasal@mais.gov.my
 Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

Hai gaiss... saya ingin memberikan hukum berkaitan perkara yang viral sekarang ini..., ... ikuti saya dalam... untuk mengetahui lebih lanjut jawapan dan kupasan hukum mengenai ...

Inilah antara ungkapan yang sering kita dengari samada melalui aplikasi;

- whatsapp
- video pendek
- Tik tok
- FB
- Instafamous
- Influencer

dan yang seumpama dengannya.

Apabila datangnya isu-isu viral terkini yang melibatkan sudut pandangan hukum, maka kita melihat ramai netizen, 'mufti media sosial' dan adakala penceramah, pendakwah atau ustaz-ustaz selebriti yang menggunakan platform dan nama yang sedang mencanak naik untuk cuba memberikan pandangan hukum tanpa tabayyun (membuat semakan) dan merujuk kepada pihak-pihak yang berautoriti sehingga adakalanya pandangan tersebut mengundang polemik dalam masyarakat dan boleh memburukkan lagi keadaan. Inilah yang dikatakan; 'POPULAR TIDAK SEMESTINYA TEPAT'.



Sejak akhir-akhir ini, media sosial seperti Tik tok, FB, Instafamous dan yang lainnya menjadi kegiatan masyarakat khususnya;

- Golongan remaja,
- Dewasa,
- Bahkan golongan berusia atau warga emas sehingga mendapat rating yang sangat tinggi penggunaannya.

Apabila timbulnya sesuatu isu viral maka medium inilah yang sering menjadi rujukan utama golongan-golongan tersebut. Amat menyedihkan dan dikhawatir, apabila isu viral yang melibatkan sudut pandangan hukum yang sepatutnya dijawab oleh pihak yang berautoriti, tetapi cuba dijawab atau diberikan pandangan melalui media sosial oleh netizen dan adakalanya oleh pendakwah dan ustaz-ustaz selebriti tanpa melihat dan mengambil kira kepada waqi' suasana dan uruf setempat.

Dibimbangi oleh sebab jawaban dan pandangan tersebut datangnya daripada pendakwah dan ustaz selebriti lalu tersalah lantas dipegang dan digunakan oleh masyarakat yang tiada latar belakang pendidikan ilmu dan agama yang mantap, maka akan menimbulkan konflik, pergeseran, lelucon, pergaduhan dan masalah dalam masyarakat.

Di kesempatan ini, saya menyarankan dan menasihati kepada semua semua pihak dan sesiapa sahaja agar tidak menggunakan kebebasan yang diberikan melalui media sosial atau menggunakan kedudukan ataupun populariti untuk memberikan pandangan, ulasan, komen terhadap isu-isu yang viral apatah lagi isu yang memerlukan kajian, istinbat hukum dan perbincangan hukum bagi mengelakkan suasana yang tidak harmoni dalam masyarakat Islam di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya.

Sebaliknya saluran yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat yang tepat ialah pihak yang berautoriti khususnya pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti setiap negeri agar keharmonian kehidupan bermasyarakat terpandu dengan ilmu dan dapat berlangsung dengan aman, damai dan sejahtera.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**





TAWARAN SEWAAN (TANAH)

LOT 46315 GM582 MUKIM BATU
Taman Bukit Permata, Daerah Gombak

JALAN TAMAN BUKIT PERMATA

RUPA BUMI : BUKIT	Keluasan 4 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : PERTANIAN	
KADAR SEWA BULANAN RM10,550.00	

GM4277 LOT 1488 MUKIM SERENDAH
Kampung Sungai Choh Daerah Hulu Selangor

JALAN SUNGAI CHOH – BUKIT BERUNTUNG

RUPA BUMI : RATA DAN BERPAYA	Keluasan 3.1 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN	
KADAR SEWA BULANAN RM16,600.00	

PM303 LOT 3640, PM304 LOT 3641, PM305 LOT 3642 MUKIM JUGRA
Pulau Carey, Daerah Kuala Langat

JALAN PULAU CAREY

RUPA BUMI : RATA DAN BERPAYA	Keluasan PM303 : 23.5 EKAR PM304 : 5.3 EKAR PM305 : 2.0 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN	
KADAR SEWA BULANAN PM303 : RM9,250.00 PM304 : RM1,625.00 PM305 : RM2,210.00	

GM3712 LOT 3001 / GM3714 LOT 3002
Kampung Sungai Semungkis Daerah Hulu Langat

JALAN KAMPUNG SUNGAI SEMUNGKIS - JALAN AGROTEK

RUPA BUMI : BUKIT	Keluasan 3.8 EKAR
GM 3712 Lot 3001	GM 3714 Lot 3002
2.5 EKAR	
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : PERTANIAN	
KADAR SEWA BULANAN LOT 3001 : RM650.00 LOT 3001 : RM420.00	

PT737 HSD38071 MUKIM JUGRA
Kampung Melayu Pulau Carey, Daerah Kuala Langat

KAMPUNG MELAYU PULAU CAREY

RUPA BUMI : RATA	Keluasan 8 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN	
KADAR SEWA BULANAN RM7,250.00	

HSM4236 PT10848 MUKIM HULU YAM
BERSEBELAHAN DENGAN SEKOLAH MENENGAH SAINS HULU SELANGOR

RUPA BUMI : BUKIT	Keluasan 3.2 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN	
KADAR SEWA BULANAN RM3,300.00	

HSD34953 PT49588 MUKIM DENGKIL
Kampung Jenderam Hulu Daerah Sepang

JALAN TOK EMPAT ABU

RUPA BUMI : BUKIT	Keluasan 21.4 EKAR
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : BANGUNAN	
KADAR SEWA BULANAN RM18,500.00	

Segera Hubungi: Bahagian Pengurusan Hartanah 03-5514 3400
sambungan 2187 / 019-264 0631 (ARZLAN / ADIB)

EDISI مايس

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
POPULAR
TIDAK
SEMESTINYA
TEPAT

Ms 18



MUDAHNYA BERWAKAF



Imbas kod QR melalui aplikasi perbankan / e-wallet anda



WAKAF SELANGOR
ONLINE

Berwakaf secara one-off
fpx.wakafselangor.gov.my

Akses ke Portal User
fpx.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp



- ▶ No. Akaun: 5621 0662 4154
- ▶ Auto Debit



- ▶ No. Akaun: 8600 8321 38
- ▶ Auto Debit



- ▶ No. Akaun: 1203 8010 1081 06

POTONGAN CUKAI BAGI SUMBANGAN WAKAF

Sumbangan Wakaf Tunai melalui Perbadanan Wakaf Selangor LAYAK mendapat potongan cukai bagi maksud pengiraan pendapatan agregat subseksyen 44 (11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa 1 Mei 2021.

f @ tik tok wakafselangor